DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

lwn.

PEMBANGUNAN ORKID DESA SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
WAN ADNAN MUHAMAD H
[PENGGULUNGAN SYARIKAT NO: D8-21-96-00]
3 SEPTEMBER 2001

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Penggulungan - Pembantahan terhadap petisyen - Afidavit menentusahkan petisyen tidak mempunyai nombor petisyen, tidak bertajuk dan tidak berjurat - Tiada nota di bawah tandatangan peguam pihak pempetisyen di dalam petisyen bahawa ia ditandatangani untuk dan bagi pihak pempetisyen - Sama ada responden diprejudiskan - Sama ada suatu "irregularity" yang boleh diperbaiki - Sama ada responden solven dan mampu membayar hutangnya - Kaedah-kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972, kk. 26, 194(1)*

Pempetisyen memohon untuk menggulungkan respondent melalui suatu petisyen penggulungan ('petisyen tersebut') di bawah s. 218(1)(e) Akta Syarikat 1965 atas alasan ketidakupayaan respondent membayar hutang penghakiman yang diperolehi pempetisyen terhadap responden di Mahkamah Tinggi. Responden menentang petisyen tersebut dan membangkitkan alasan-alasan berikut: (i) afidavit menentusahkan petisyen tersebut ('afidavit tersebut') yang diserahkan kepada responden oleh pempetisyen tidak mempunyai nombor petisyen penggulungan, tidak bertajuk dan tidak berjurat; (ii) tiada nota di bawah tandatangan peguam pihak pempetisyen di petisyen tersebut yang diserahkan kepada responden bahawa ia ditandatangani untuk dan bagi pihak pempetisyen; dan (iii) responden adalah solven dan mampu serta berupaya membayar hutangnya.

Diputuskan:

[1] Mengenai dakwaan responden yang afidavit tersebut tidak mengandungi nombor petisyen penggulungan, ia bukanlah suatu kecacatan yang "fatal" dan "fundamental" yang membolehkan petisyen ini dibatalkan *in limine* kerana ia adalah suatu "irregularity" sahaja. Otoriti yang dirujukkan oleh responden untuk menyokong penghujahannya merupakan kes-kes kebankrapan yang bercanggah dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Malayan Banking Corporation v. Richland Trade & Development Sdn Bhd* di mana mahkamah tersebut memutuskan bahawa prinsip undang-undang kebankrapan tidak terpakai dalam kes penggulungan syarikat. Lagi, tiada peruntukan undang-undang yang memerlukan penyerahan afidavit

tersebut ke atas responden. Peruntukan yang relevan bersabit dengan afidavit tersebut ialah k. 26 Kaedah-kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 yang hanya mengkehendaki afidavit tersebut difailkan dalam masa empat hari selepas petisyen dikemukakan dan itu telah disempurnakan oleh pempetisyen. (lihat ms 594 g-h; ms 595 a-c)

[2] Bersabit dengan penyerahan atau penyampaian dokumen-dokumen, peruntukan dalam Kaedah-kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 dengan jelas menyatakan dokumen-dokumen yang perlu diserahkan dan kepada siapa ia mesti diserahkan. Kaedah 17 memperuntukkan berkenaan penyerahan petisyen, notis usul dan saman manakala k. 25 memperuntukkan mengenai penyampaian dan penyerahan petisyen sahaja. Tiada dinyatakan mengenai penyampaian afidavit menentusahkan petisyen. (lihat ms 595 e-g)

[3] Kegagalan pempetisyen meletakkan nombor petisyen di dalam afidavit tersebut adalah suatu "irregularity" yang tidak memprejudiskan responden kerana adalah jelas bahawa petisyen yang lengkap bernombor telah diserahkan bersama afidavit tersebut. "Irregularity" tersebut boleh diperbaiki menurut peruntukan k. 194(1) Kaedah-kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972. (lihat ms 596 c-d)

[4] Mengenai persoalan jurat dan kegagalan untuk meletakkan nota pada tandatangan tidak membawa apa-apa prejudis kepada responden. Ia ditandatangani untuk dan bagi pihak pempetisyen. Deponen tidak ada masalah dalam pemahamannya di dalam Bahasa Inggeris. Di samping itu beliau sendiri adalah penandatangan bagi petisyen dan pengesahan mengenai petisyen itu telah dibuat olehnya sendiri. (lihat ms 596 e-f)

[5] Responden gagal menunjukkan bukti kepada mahkamah yang responden adalah solven dan berupaya membayar hutang. Di dalam afidavitnya responden hanya sekadar membuat pengataan mengenai kemampuannya dengan menyenaraikan projek miliknya. Akan tetapi pengataan itu tidak disokong oleh mana-mana keterangan dokumen ataupun keterangan lain dan merupakan suatu penegasan kosong. (lihat ms 596 h-i; ms 597 a-b)

[Petisyen dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:

Hotel Royal Ltd Bhd v. Tina Travel & Agencies Sdn Bhd [1990] 1 MLJ 21 ***(diikuti)***

Malayan Banking Corporation v. Richland Trade & Development Sdn Bhd [2001] 3 CLJ 270 ***(diikuti)***

Maril-Rionebel (M) Sdn Bhd & Anor v. Perdana Merchant Bankers Bhd & Other Appeal [2001] 3 CLJ 248 ***(dirujuk)***

Mohd Nasir Badar Shair v. Timbalan Menteri Dalam Negeri [2000] 2 CLJ 805 ***(dirujuk)***

Ooi Thean Chuan v. Banque National de Paris [1992] 2 CLJ 1225; [1992] 3 CLJ (Rep) 160 ***(dirujuk)***
Sari Atlantic Sdn Bhd v. Aik Kim Enterprise [1988] 1 MLJ 201 ***(dirujuk)***
Sri Hartamas Sdn Bhd v. MBf Finance Bhd [1992] 1 CLJ 637; [1992] 1 CLJ (Rep) 303 ***(diikuti)***
Taylors Industrial Flooring Ltd v. M & H Plant Hire (Manchester) Ltd [1990] BCLC 216 ***(dirujuk)***
Teck Yow Brothers Hand-Bag Trading Co v. Maharani Supermarket Sdn Bhd [1989] 1 CLJ 258; [1989] 2 CLJ (Rep) 555 ***(dirujuk)***
The People's Insurance Company (M) Sdn Bhd v. Juru Urusetia Sdn Bhd [1997] 3 CLJ Supp 388 ***(dirujuk)***
Timbunan Alam Development Sdn Bhd v. Platicorp Holding (M) Sdn Bhd [2000] 5 CLJ 470 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Companies Act 1965, s. 218(1)(e)
Companies (Winding-up) Rules 1972, r. 17, 25, 26, 194(1)
Rules of the High Court 1980, O. 14

Bagi pihak plaintif - Asmadi Othman; T/n Che Mokhtar & Co
Bagi pihak defendan - Faizah Othman; T/n Mahinder Singh Dulku & Co

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Wan Adnan Muhamad H:
Suatu permohonan petisyen penggulungan telah difailkan di Lampiran 1 oleh pempetisyen Datuk Bandar Kuala Lumpur terhadap responden iaitu Pembangunan Orkid Desa Sdn Bhd. Petisyen tersebut ialah berasaskan suatu penghakiman oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui kes D3-22-533-93 pada 9 Januari 1995 untuk sejumlah wang RM2,838,691.80 bersama faedah 6% setahun dan kos. Penghakiman di bawah A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang diperolehi pempetisyen tidak dirayu dan tiada permohonan penggantungan pelaksanaan penghakiman dibuat.

Berdasarkan penghakiman berkenaan pempetisyen mengeluarkan notis bertarikh 3 Julai 2000 di bawah peruntukan s. 218 Akta Syarikat 1965 (Akta) terhadap responden. Selepas tamat tempoh statutori selama tiga minggu responden masih tidak mengendahkan notis tersebut maka pempetisyen memfailkan petisyen penggulungan terhadap responden pada 29 Ogos 2000 untuk menggulung syarikat responden di bawah peruntukan s. 218(1)(e) Akta Syarikat 1965 atas alasan ketidakupayaan syarikat responden membayar hutang penghakiman.

Syarikat responden menentang petisyen dengan memfailkan notis menentang petisyen (Lampiran 10) di samping memfailkan afidavit jawapannya (Lampiran 13). Afidavit jawapan syarikat responden telah didepos dan diikrar oleh pengurus syarikat responden Yu Shiuh Hwa. Di dalam afidavit menentang petisyen tersebut Yu Shiuh Hwa telah membangkitkan alasan-alasan berikut:

i wujudnya kecacatan di dalam afidavit untuk menentusahkan petisyen yang diikrarkan oleh Nasrul Zaki bin Mohd. Yunus.

ii. petisyen yang telah diserahkan kepada responden telah ditandatangani oleh peguam bagi pihak pempetisyen tanpa dinyatakan nota di bawah tandatangan tersebut yang ia ditandatangani untuk dan bagi pihak pempetisyen.

iii. syarikat responden adalah solven dan mampu serta berupaya membayar hutangnya.

Dalam hujah bertulisnya peguam responden menyatakan wujudnya kecacatan "fatal" atau "fundamental" di dalam afidavit menentusahkan petisyen (Lampiran 2) yang telah diserahkan kepada responden. Beliau juga mendakwa bahawa afidavit menentusahkan petisyen yang telah diserahkan kepada syarikat responden oleh pempetisyen tidak mempunyai tajuk dan nombor petisyen, selain tidak berjurat. Justeru itu ia adalah bercanggah dengan kehendak Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT).

Atas persoalan ini, jika dilihat Lampiran 3 iaitu "Affidavit of Service of Petition On Members, Officers and Servants" mengenai penyerahan petisyen yang telah dibuat oleh Shanker Raj s/o Retnam jelas kelihatan di exh. A Lampiran 3 tersebut bahawa petisyen (Lampiran 1) yang telah diserahkan kepada responden adalah satu petisyen yang lengkap dan sempurna sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Borang 2, Jadual Pertama Kaedah-kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 (Kaedah). Petisyen (Lampiran 1) disertai dengan afidavit menentusahkan petisyen (Lampiran 2) yang diikrarkan oleh Nasrul Zaki bin Mohd Yunus. Mengenai dakwaan responden yang afidavit tersebut tidak mengandungi nombor petisyen penggulungan, pada hemat saya, ia bukanlah suatu kecacatan yang "fatal" dan "fundamental" yang membolehkan petisyen ini dibatalkan 'in limine" kerana ia adalah suatu "irregularity" sahaja.

Bagi menyokong hujahannya, peguam responden telah merujuk kepada otoriti yang merupakan kes-kes kebankrapan seperti *Ooi Thean Chuan v. Banque National de Paris* [1992] 2 CLJ 1225; [1992] 3 CLJ (Rep) 160 dan cuba meyakinkan mahkamah ini supaya membuat analogi bahawa prinsip dalam undang-undang kebankrapan terpakai dan seterusnya membuat saranan bahawa

kecacatan sebegitu "fatal" dan "fundamental". Atas lunas itu beliau memohon petisyen yang difailkan oleh pempetisyen ditolak "in limine". Pendapat sedemikian bercanggah dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Malayan Banking Corporation v. Richland Trade & Development Sdn Bhd* [2001] 3 CLJ 270 yang memutuskan bahawa prinsip undang-undang kebankrapan tidak terpakai dalam kes penggulungan syarikat. Walau bagaimanapun tiada peruntukan undang-undang samada di bawah peruntukan Akta mahupun di bawah peruntukan Kaedah yang memerlukan penyerahan afidavit menentusahkan petisyen ke atas responden. Peruntukan yang relevan bersabit dengan afidavit menentusah petisyen ialah k. 26 yang berbunyi sebegini:

> Every petition for the winding-up of a company by the Court shall be verified by an affidavit referring thereto. The affidavit in Form 7 shall be made up by the petitioner or by one of the petitioners, if more than one, or in case the petition is presented by a corporation, by some director, secretary or other principal officer thereof, and shall be sworn after and filed within four days after the petition is presented, and the affidavit shall be *prima facie* evidence of the statements in the petition.

Pendek kata k. 26 antara lain hanya menghendaki affidavit berkenaan difailkan dalam masa empat hari selepas petisyen dikemukakan. Tiada dinyatakan affidavit berkenaan hendaklah diserah kepada responden. Walau bagaimanapun, kehendak peruntukan k. 26 telah disempurnakan oleh pempetisyen di mana affidavit tersebut (Lampiran 2) telah difailkan pada 30 Ogos 2000.

Bersabit dengan penyerahan atau penyampaian dokumen-dokumen, peruntukan dalam kaedah dengan jelas menyatakan apa-apa dokumen yang perlu diserah dan kepada siapa ia mesti diserahkan. Kaedah 17 memperuntukkan berkenaan penyerahan petisyen, notis usul dan saman, manakala k. 25 memperuntukkan mengenai penyampaian dan penyerahan petisyen sahaja. Sekali lagi saya ingin menarik perhatian bahawa tiada dinyatakan mengenai penyampaian affidavit menentusahkan petisyen.

Sehubungan dengan itu saya bersetuju dengan keputusan KL Rekhraj HMT dalam kes *Timbunan Alam Development Sdn. Bhd. v. Platicorp Holding (M) Sdn. Bhd.* [2000] 5 CLJ 470, antara lain bahawa:

> (1) Neither the Companies Act 1965 nor the Companies (Winding-Up) Rules 1972, procedurally require the affidavit in verification in support of the said petition to be served on the respondent. All that is required is that a petition is to be served under r. 26 of the Rules. Further r. 25 states that every petition shall be served upon the company;

(1a) A petition properly comes into existence immediately upon the filing of the petition into court whereas the affidavit in verification in support of the petition is procedurally required to verify the petition within four days after the filing of the petition. Thus, the petition stands independently of the affidavit in verification and the said affidavit cannot be said to be a part of the petition;

Oleh yang demikian, isu ketidakpatuhan kaedah yang ditimbulkan oleh syarikat responden tidak berbangkit lagi.

Sekiranya wujud kegagalan pempetisyen meletakkan nombor petisyen di dalam afidavit menentusahkan petisyen pada pendapat saya ia hanya suatu 'irregularity' yang tidak memprejudiskan responden kerana adalah jelas bahawa petisyen yang lengkap bernombor telah diserahkan bersama dengan afidavit tersebut. Mengikut rekod, petisyen adalah lengkap bernombor. "Irregularity" tersebut boleh diperbaiki menurut peruntukan k. 194(1) kaedah. (Sila lihat kes *Maril-Rionebel (M) Sdn Bhd & Anor v. Perdana Merchant Bankers Bhd & Other Appeal* [2001] 3 CLJ 248, *The People's Insurance Company (M) Sdn Bhd v. Juru Urusetia Sdn Bhd* [1997] 3 CLJ Supp 388 dan *Sari Atlantic Sdn Bhd v. Aik Kim Enterprise* [1988] 1 MLJ 201.

Mengenai persoalan jurat dan kegagalan untuk meletakkan nota pada tandatangan tidak membawa apa-apa prejudis kepada responden. Ia ditandatangani untuk dan bagi pihak pempetisyen. Deponen iaitu Nasrul Zaki bin Mohd. Yunus tidak ada masalah dalam pemahamannya di dalam bahasa Inggeris, di samping itu beliau sendiri adalah penandatangan bagi petisyen dan pengesahan mengenai petisyen itu telah dibuat olehnya sendiri. (Sila lihat *Mohd. Nasir bin Badar Shair v. Timbalan Menteri Dalam Negeri* [2000] 2 CLJ 805).

Peguam responden telah menghujahkan bahawa syarikat responden adalah solven dan mampu serta berupaya membayar hutangnya. Beliau menegaskan bahawa dahulunya syarikat responden telah membuat beberapa jumlah bayaran yang besar kepada pempetisyen bagi tuntutan tunggakan taksiran tanah-tanah kepunyaan syarikat responden dan terdapat sebahagian tanah syarikat responden yang belum dapat dimajukan atas alasan "site constraints". Peguam responden seterusnya menghujahkan bahawa syarikat responden telah cuba membuktikan bahawa responden adalah solven kerana telah berjaya membangunkan beberapa projek pembangunan perumahan sebelumnya.

Seperkara dengan ini saya bersependapat dengan hujah peguam pempetisyen bahawa syarikat responden telah gagal menunjukkan bukti kepada mahkamah yang responden adalah solven dan berupaya membayar hutang. Di dalam afidavitnya, syarikat responden hanya sekadar membuat pengataan mengenai kemampuannya dengan menyenaraikan projek miliknya. Akan tetapi pengataan

itu tidak disokong oleh mana-mana keterangan dokumen ataupun keterangan lain. Oleh itu pengataan sedemikian pada pandangan saya adalah suatu penegasan kosong. Bagi memperkotakan apa yang dikata saya bersandar kepada keputusan kes *Sri Hartamas Sdn. Bhd v. MBf Finance Bhd* [1992] 1 CLJ 637; [1992] 1 CLJ (Rep) 303 di mana Mahkamah Agung telah memutuskan antara lain bahawa: (dengan izin)

> The presumption of insolvency arises when the requirements of s. 218(2)(a) of the Act have been satisfied and it is for the company **to prove that it is able to pay its debts. If the company does not have assets available to meet its current liabilities it is commercially insolvent and may be wound up.** (penekanan dibuat).

Begitu juga di dalam kes *Hotel Royal Ltd Bhd v. Tina Travel & Agencies Sdn Bhd* [1990] 1 MLJ 21, Siti Norma Yaakob, HMT (ketika itu) telah memutuskan bahawa:

> (1) The primary meaning of the phrase "unable to pay its debts" in s. 218(1)(e) of the Companies Act 1965 is insolvency in the commercial sense, ie, inability to meet current demands irrespective of whether the company is possessed of assets, which, if realised, would enable it to discharge its liabilities in full.
>
> (2) The test of the solvency of the respondent does not depend on the presence of their realisable assets.

Dalam kes ini saya telah meneliti afidavit-afidavit kedua-dua pihak dan juga rekod yang ada dan pada hemat saya pihak responden hanya membangkitkan perkara-perkara teknikal yang mana tidak langsung membawa ketidakadilan. Responden gagal membuktikan ia berupaya membayar hutang penghakiman yang ditentukan dalam notis s. 218 pempetisyen.

Dalam kes *Maril Rionebel (M) Sdn Bhd & Anor v. Perdana Merchant Bankers Bhd & Other Appeal (supra)* di halaman 261 Gopal Sri Ram HMR berkata (dengan izin):

> But a petition for a winding-up is not execution. For a winding-up petition is not based upon any judgment of a court. Normally, it is based on inability of a company to pay its debts as and when they fall due. Such inability is normally evidenced by the company's inability to satisfy or compound a notice of demand issued pursuant to s. 218 of the Companies Act. But the issuance of such a notice is not a *sine quo non* for the presentation of a winding up petition. What is needed is compelling evidence of the company's inability to pay its debts as and when they fall due.

Selanjutnya beliau memetik dua kes bagi menyokong pendapatnya. Kes-kes tersebut ialah *Teck Yow Brothers Hand-Bag Trading Company v. Maharani Supermarket Sdn Bhd* [1989] 1 CLJ 258; [1989] 2 CLJ (Rep) 555 dan *Taylors Industrial Flooring Ltd v. M&H Plant Hire (Manchester) Ltd* [1990] BCLC 216.

Berdasarkan alasan-alasan di atas, petisyen di Lampiran 1 dibenarkan dengan kos.